

07/01/2000

PM adakan rumah terbuka di Putrajaya esok

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan majlis rumah terbuka sempena Aidilfitri di kediaman rasmi Perdana Menteri yang baru di Sri Perdana, Putrajaya pada hari raya pertama.

Waktu rumah terbuka itu ialah antara jam 10 pagi dan 1 tengah hari dan 3 petang hingga 6 petang, menurut Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, Zakaria Abdul Wahab hari ini.

Ini adalah kali pertama Dr Mahathir mengadakan rumah terbuka di Putrajaya kerana selama ini beliau mengadakannya di kediaman rasmi yang terdahulu di Sri Perdana di sini.

Zakaria berkata, perkhidmatan bas percuma akan disediakan dari Pintu 2 di Putrajaya ke Sri Perdana ketika tempoh rumah terbuka itu.

Beliau menasihatkan pengunjung agar membawa payung berikutan musim hujan sekarang dan mematuhi arahan ketika mengunjungi rumah terbuka Perdana Menteri bagi mengucapkan Selamat Hari Raya.

Sebelum itu, Dr Mahathir dan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah akan menunaikan solat hari raya bersama rakyat di Masjid Negara pada jam 8.30 pagi.

Selain menunaikan solat, pembesar negeri dan pemimpin kerajaan juga akan mengadakan rumah terbuka untuk meraikan rakyat berbilang kaum.

* Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengadakan majlis rumah terbuka pada Hari Raya pertama di Serambi Garden, Aras 4, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Majlis itu akan berlangsung dari jam 2.30 petang hingga 4 petang.

Abdullah akan turut mengadakan majlis yang serupa pada Hari Raya kedua di Kepala Batas, Pulau Pinang, dari jam 11 pagi hingga jam 4 petang.

* Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir mengadakan rumah terbuka pada Ahad ini di "Sri Kedah", No 1, Lorong Titiwangsa 2, off Jalan Titiwangsa di sini bermula jam 10.45 pagi.

* Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Suleiman Mohamed mengadakan rumah terbuka pada 15 Januari di kediamannya di 103, Jalan Ampang Hilir di sini dari jam 10 pagi hingga jam 4 petang.

* Pemangku Raja Selangor, Tengku Idris Shah mengadakan rumah terbuka pada jam 10.30 pagi hari raya pertama di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam.

* Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan mengadakan rumah terbuka pada hari raya pertama di kediaman rasminya di Bukit Megawati Seksyen 7 Shah Alam dari jam 12.30 tengah hari hingga 6 petang.

* Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor, Datuk Seri Onn Ismail mengadakan majlis yang sama pada 16 Januari, di rumah kediaman rasmi Speaker di Seri Arif, JKR 1495 Jalan Delima 7/1D Seksyen 7 Shah Alam mulai jam 8 malam.

* Exco Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Perikanan Selangor, Datuk Raja Ideris Raja Ahmad, mengadakan hari terbuka pada 15 Januari, di kediamannya di No 3 Jalan Rajawali Taman Berjaya Sabak Bernam dari jam 10 pagi hingga jam 3 petang.

* Ahli Dewan Udangan Negeri (Adun) kawasan Sementa, Datuk Abdul Rahman Palil mengadakan majlis yang sama bertempat di Pusat Perkhidmatan Adun Sementa di No 69 Rumah PKNS Batu 4 Jalan Kapar Klang mulai jam 10 pagi hingga jam 4 petang pada hari raya kedua.

* Adun Meru, Datuk Jaei Ismail mengadakan majlis yang sama pada hari raya kedua di kediamannya di Lot 4848 Jalan Kenangan Meru Klang mulai jam 10 pagi hingga jam 4 petang.

* Adun Selat Klang, Datuk Zakaria Mat Derus juga mengadakan majlis sama di kediamannya di No 50 Jalan 7, Kampung Idaman Pandamaran, Pelabuhan Klang mulai jam 10 pagi hingga jam 5 petang pada hari raya kedua.

* Adun kawasan Jeram, Mesrah Selamat mengadakan majlis di Dewan Orang Ramai Jeram pada 13 Januari, mulai jam 11 pagi hingga jam 6 petang.

* Ketua Pemuda Umno Selangor, Jaya Kusuma Rosman mengadakan majlis rumah terbuka pada hari raya kedua di rumah kediamannya di No 53 Jalan Meranti, Taman Desa Permai Meru Klang mulai jam 10 pagi hingga jam 5 petang.

* Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat pula mengadakan majlis rumah terbuka di kediamannya selepas solat hari raya hingga jam 6 petang.

* Menteri Besar Terengganu, Abdul Hadi Awang, mengadakan rumah terbuka di kediamannya di Kampung Rhu Sila, Marang selepas solat sunat Aidilfitri.

* Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Sakaran Dandai dan Toh Puan Siti Rukaiyah Datuk Panglima Abdullah mengadakan rumah terbuka di Istana Negeri pada Aidilfitri pertama.

Bagi orang kenamaan, rumah terbuka itu diadakan bermula jam 10.30 pagi hingga jam 11.30 pagi, manakala untuk orang ramai mulai jam 11.30 pagi hingga jam 2 petang.

* Ketua Menteri Sabah, Datuk Osu Sukam, pula mengadakan rumah terbuka Aidilfitri di Dewan Maksak, Likas, mulai jam 11 pagi hingga jam 4 petang pada Hari raya pertama.

* Ahli Parlimen Kota Belud, Datuk Salleh Tun Said dan Datin Raya Erom mengadakan rumah terbuka di Kampung Pirasan, Kota Belud, bermula jam 10 pagi hingga jam 1 petang pada Aidilfitri kedua.

* Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Syed Ahmad Shahabudin akan mengadakan rumah terbuka pada hari raya pertama di Istana Melaka Bukit Beruang antara jam 10 pagi hingga jam 2 petang.

* Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Mohd Ali Rustam pula mengadakan rumah terbuka di Seri Bendahara, Bukit Peringggit dari jam 10 pagi hingga jam 3 petang hari raya pertama.

* Setiausaha Umno bahagian Batu Berendam, Senator Datuk Kassim Md Yusop mengadakan rumah terbuka pada raya pertama di Pasir Putih, Bachang dari jam 2 dan jam 5 petang.

* Ahli Parlimen Alor Gajah, Datuk Abu Seman Yusop serta Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tangga Batu, Yaakob Md Amin akan mengadakan rumah terbuka dari jam 10 pagi hingga jam 4 petang pada hari raya kedua.

Abu Seman mengadakan rumah terbuka di Batu 19, Paya Rumput, Masjid Tanah manakala Yaakob pula di Jalan Sabidah, Bukit Rambai.

* Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Melaka, Datuk Mo'min Abdul Aziz mengadakan rumah terbuka di Kampung Pendamar, Ayer Molek manakala Exco Pembangunan Desa dan Pertanian Negeri, Datuk Ibrahim Durum di Kampung Baru, Kuala Sungai Baru, masing-masing antara jam 10 pagi hingga jam 2 petang pada hari raya kedua.

* Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin; Speaker DUN, Datuk Amid Nordin serta Exco Pelancongan dan Kebudayaan Negeri, Datuk Hamdin Abdollah akan mengadakan rumah terbuka pada hari raya ketiga.

Abu Zahar mengadakan rumah terbuka di Seri Klebang, Merlimau (10 pagi hingga 2 petang), Amid di Jalan Pokok Mangga di bandar ini (10 pagi hingga jam 1 petang) dan Hamdin di Jalan Paya Datuk, Alor Gajah (10 pagi hingga jam 4 petang).

* Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali akan mengadakan rumah terbuka pada Hari Raya pertama di Dewan Bandaran Ipoh, di sini mulai jam 11 pagi hingga jam 2 petang.

Beliau yang juga Ketua Umno bahagian Gerik akan mengadakan majlis sama di pekarangan Pejabat Daerah Gerik mulai jam 3 petang hari berkenaan.

(END)